

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HKT 322 - Teori dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] soalan daripada Bahagian A dan **DUA** [2] lagi daripada Bahagian B.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A:

1. Bincangkan apa yang anda faham dengan pernyataan bahawa Kesusasteraan Bandingan ialah ilmu yang meneliti hubungan interaktif antara unsur-unsur nasionalisme dan universalisme dalam kesusasteraan daripada pelbagai tradisi. Perbincangan anda hendaklah merujuk secara konkrit kepada perkembangan awal Kesusasteraan Bandingan di Eropah pada abad ke-19.
2. Apakah yang anda faham tentang fenomena *Eurocentrism* dan perspektif imperial dalam Kesusasteraan Bandingan di zaman awalnya? Jawab dengan mengemukakan contoh-contoh pernyataan sikap sarjana Barat terhadap kesusasteraan Timur.
3. Bincangkan secara terperinci model Perancis dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan. Sejauh manakah model ini bermanfaat untuk pengajian kesusasteraan pada zaman ini?
4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang bersesuaian, jelaskan pendekatan konsentrik (Hosillos) dalam kajian bandingan. Apakah kelebihan dan kekurangan pendekatan ini?

BAHAGIAN B:

5. Jelaskan dua pendekatan di dalam adaptasi novel ke filem dan permasalahan yang timbul. Bincangkan pendekatan yang digunakan di dalam adaptasi novel Juara ke filem Jogho.
6. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan pola kajian di dalam pendekatan genetik. Seterusnya, nyatakan kekuatan dan kelemahan pendekatan ini.
7. Berdasarkan kepada salah satu pergerakan sastera yang anda ketahui, jelaskan bagaimana pendekatan periode dilakukan. Kemudian jelaskan perbezaan di antara pendekatan periode dengan kajian asal-usul di dalam pendekatan genetik.
8. Bincangkan maksud tematologi. Merujuk kepada mitos Greek – *Sisyphus*, bincangkan bagaimana pendekatan tematik digunakan untuk menganalisis cerpen “Sisipus” oleh Muhammad Fudoli dan “Sisipus dan Batunya” oleh Urando Marino.

--oo000oo--